



IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut di Yayasan Pelajaran Johor :

A. NAMA JAWATAN

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	GRED	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
1	Penolong Akauntan	W29	1	KONTRAK

B. JADUAL GAJI MINIMUM DAN MAKSIMUM

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
1	Penolong Akauntan	RM 1,498.00	RM 5,678.00

C. SYARAT LANTIKAN

- (i) WARGANEGARA MALAYSIA
- (ii) Berumur :-
 - (a) Tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan bagi lantikan kali pertama dalam Kerajaan.
 - (b) Berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh tutup iklan bagi kenaikan pangkat secara lantikan.

D. PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi dalam gred-gred jawatan yang dipohon boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

E. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai – pegawai yang memasuki Skim Perkhidmatan yang berkenaan adalah tertakluk kepada syarat – syarat Skim Perkhidmatan tersebut yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

F. TARIKH TUTUP IKLAN

19 April 2021 (Isnin) Jam 12.00 Tengahari

G. CARA PERMOHONAN

(a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang YPJ 007 yang boleh diperolehi secara percuma di Pejabat Yayasan Pelajaran Johor, No. 15, Bangunan YPJ, Jalan Nuri, Larkin Jaya, 80350 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim atau dari Laman Web Rasmi Yayasan Pelajaran Johor.

(b) Sila nyatakan nama jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul berkenaan semasa mengembalikan borang permohonan.

(c) Permohonan daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah Mengikut Peraturan 17, Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan 2005)

(d) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport dan salinan hendaklah diakui sah oleh **PEGAWAI GRED 41 KE ATAS SAHAJA** bagi dokumen-dokumen berikut :-

- a) Kad Pengenalan
- b) Sijil Kelahiran
- c) Sijil-Sijil Persekolahan (SRP/PMR/PT3/SPM/STA/STPM/STAM)
- d) Sijil Berhenti Sekolah Yang Terakhir
- e) Diploma / Ijazah berserta transkrip penuh (jika berkaitan)

(e) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat berikut :

**Pengurus Besar
Yayasan Pelajaran Johor
No 15, Bangunan YPJ
Jalan Nuri , Kg. Dato' Onn Jaafar
Karung Berkunci 711
80990 Johor Bahru**

H. NOTA / CATATAN AM

- (a) Setiap permohonan jawatan hendaklah menggunakan satu borang sahaja bagi setiap jawatan yang di pohon. Sekiranya permohonan jawatan lebih daripada satu hendaklah menggunakan borang yang berasingan.
- (b) Hanya calon – calon yang layak selepas tapisan dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil / dihubungi untuk ditemuduga.
- (c) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- (d) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.
- (e) Pegawai-Pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan disertakan dengan Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini.

**PENGURUS BESAR
YAYASAN PELAJARAN JOHOR**

JAWATAN 1 : PENOLONG AKAUNTAN GRED W29 (KONTRAK)

Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c.
 - i. Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
 - ii. *Certified Accounting Technician (CAT)* yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
 - iii. Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,776.08)
 - iv. *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM2001.68).

Syarat Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Lain

Keutamaan kepada calon yang mahir dalam bidang pengauditan